

## Aktiviti Dalam Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab di UiTM dan UMP: Satu Kajian Perbandingan

Fauzi Azmi  
Saiful Johari Musahar  
Mohd Zaki Abdul Latiff

### ABSTRAK

*Kajian ini memaparkan perkembangan aktiviti-aktiviti yang menjuruskan kepada kemahiran menulis secara khususnya dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat 25 jenis aktiviti kemahiran menulis yang disenaraikan dan melalui aktiviti-aktiviti ini juga pengkaji ingin mengetahui kekerapan setiap aktiviti dilakukan sepanjang satu semester pengajian berlangsung. Kepelbagaian aktiviti ini yang dilaksanakan mengikut tahap-tahapnya inilah yang menjamin tercapainya objektif kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat IPTA sebagai bahasa ketiga. Kajian perbandingan dilakukan di UiTM dan UMP untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab dan serta implikasi dari aktiviti-aktiviti terhadap pelajar-pelajar.*

**Kata kunci:** aktiviti, kemahiran menulis, kajian perbandingan

### Pendahuluan

Pengajaran dan pembelajaran bahasa memfokuskan empat kemahiran utama; mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Setiap kemahiran ini mempunyai teknik, metodologi, pendekatan dan aktiviti yang tersendiri. Kepelbagaian teknik, metodologi, pendekatan dan aktiviti serta kekreatifan guru/pensyarah menjamin tercapainya objektif kemahiran-kemahiran dengan semaksimanya. Kajian ini memfokuskan aktiviti-aktiviti kemahiran menulis dan meninjau kekerapan berlakunya aktiviti ini di UiTM dan UMP, sebagai kajian perbandingan. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar untuk menguasainya. Pelbagai proses dan langkah yang perlu dilalui untuk menghasilkan mutu tulisan yang baik. Lebih-lebih lagi kemahiran berbahasa yang berstatus bahasa kedua ataupun bahasa ketiga.

Kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar. Ianya bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa tetapi juga untuk mata-mata pelajaran yang lain. Ini kerana bahasa menjadi media untuk melahirkan buah fikiran. Menulis dianggap mustahak dalam apa bentuk sekalipun kerana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Penguasaan kemahiran menulis di kalangan pelajar tidak terhad untuk jangka masa yang pendek sahaja, bahkan berlanjutan sepanjang usia hidup mereka. (Kamarudin & Siti Hajar, 1997).

Kegagalan menguasai kemahiran menulis dengan baik dan tepat menggambarkan tahap penguasaan bahasa tersebut belum memuaskan lagi. Dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa asing pula, kemahiran menulis merupakan antara elemen yang sering dilupakan oleh para pengajar bahasa asing sedangkan ianya perlu dititikberatkan oleh mereka. Oleh yang demikian, pelajar masa kini, harus diberi latihan yang membolehkan mereka mempelajari dan menggunakan kemahiran tersebut sejak awal lagi. Justeru, bentuk pengajaran yang sesuai perlu diamalkan oleh tenaga pengajar agar kemahiran menulis dapat diajar dengan lebih berkesan kepada pelajar di IPTA ataupun sekolah.

Menulis merupakan kemahiran yang penting dalam mempelajari bahasa asing. Melalui menulis pelajar akan dapat menambah kemahirannya yang lain dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa (Rosni, 2009). Akan tetapi masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu hari ini menjadi topik utama perbincangan ahli cendekiawan akademik dalam memantapkan sistem pendidikan negara. Menurut Abdul Hadi Mohd Salleh (1998) mengatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pada masa kini keseluruhannya sangat tidak memuaskan. Jadi, pengkaji merasakan pengkajian mengenai kemahiran berbahasa di peringkat universiti perlu diambil serius bagi mengelak dari penguasaan kemahiran berbahasa dengan bahasa ketiga menjadi satu masalah utama apabila pelajar selesai belajar nanti sedangkan dengan mempunyai kemahiran berbahasa dengan bahasa ketiga seperti bahasa Arab dan lain-lain akan memberi nilai tambah kepada pelajar tersebut. Mohammad Seman (2003), menerusi kajian beliau bertajuk : "Permasalahan Utama Dalam Proses Pembelajaran Penulisan Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Bawah Selian

JPN Sarawak". Hasil kajian ini menunjukkan bahawa 75% pelajar menghadapi permasalahan yang amat ketara dalam pembinaan ayat dan penulisan karangan. 100% kesalahan berlaku pada kategori pemilihan kosakata, tatabahasa dan gaya pengolahan. Manakala 33% masih menghadapi masalah ejaan.

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti kekerapan aktiviti-aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab yang dijalankan di UiTM dan UMP.
2. Mengenalpasti persamaan dan perbezaan aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab di UiTM dan UMP.
3. Menilai prestasi antara UiTM dan UMP menerusi kekerapan keseluruhan aktiviti pada skala 3.

## Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara berikut:-

- i. Sampel kajian adalah berkelompok dan dipilih secara rawak bebas. Ia terbatas kepada 100 orang sampel yang mewakili populasi tahap dua yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab menerusi program ijazah sarjana muda di UiTM dan UMP.
- ii. Pemilihan subjek kajian dari kalangan tahap dua kerana para pelajar telah melalui tahap satu selama satu semester iaitu 14 minggu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi program ijazah sarjana muda.
- iii. Pemilihan sampel tidak mengambil kira faktor pencapaian pelajar cemerlang atau lemah.
- iv. Ujian penguasaan kemahiran menulis tersebut adalah terbatas berdasarkan isi kandungan buku teks bahasa Arab tahap dua menerusi program ijazah sarjana muda.

Fokus penulis dalam kajian ini adalah berdasarkan soalan kaji selidik pada bahagian B; Aktiviti dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kaedah kualitatif menerusi pengumpulan data kuantitatif. Data yang dikumpul adalah bertujuan untuk mengenalpasti kekerapan 25 aktiviti kemahiran menulis yang dijalankan dalam proses P&P sepanjang satu semester.

Bentuk kajian yang menggabungkan kedua-dua kaedah dipilih dalam kajian ini kerana ia sesuai dengan tujuan kajian. Ini kerana fokus data yang diperolehi daripada kedua-dua kaedah ini adalah berbeza. Data kuantitatif diperolehi daripada soal selidik sebanyak 50 responden dari UiTM dan sebanyak 50 dari UMP dianalisa untuk menghasilkan data deskriptif seperti kekerapan dan min yang berkaitan dengan nombor. Data ini diambil daripada sampel yang boleh digeneralisasikan kepada populasi sebenar yang lebih besar. Data kualitatif pula menyediakan pendapat-pendapat sebenar bahan kajian secara mendalam dari perspektif yang berbeza.

Sepertimana yang dijelaskan, kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif ini dikumpul dengan tujuan kekerapan setiap aktiviti kemahiran menulis dalam kurikulum bahasa Arab di UiTM dan UMP.

## Analisis Data

Analisis data terdiri daripada dua komponen, iaitu : maklumat profil responden dan kekerapan aktiviti-aktiviti dalam pembelajaran kemahiran menulis.

**Jadual 1.1:** Profil Responden

	UiTM		UMP	
	Frenkuensi	Peratus (%)	Frenkuensi	Peratus (%)
<b>UMUR</b>				
17-20 tahun	9	18	14	28
21-24 tahun	39	78	35	70
25-30 tahun	2	4	1	2
<b>JANTINA</b>				
Lelaki	27	54	22	44
Perempuan	23	46	28	56
<b>FAKULTI</b>				
FSKM	5	10		
Pengurusan Perniagaan	25	50		
Sains Gunaan (Teknologi Perakayuan)	8	16		
Perladangan & Agroteknologi	12	24		
Teknologi			21	42
Kejuruteraan Kimia			8	16
Kejuruteraan Awam			21	42
<b>AGAMA</b>				
Islam	47	94	50	100
Bukan Islam	3	6		
<b>JUMLAH</b>	<b>50</b>	<b>100</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Responden lelaki seramai 49 orang, 27 orang daripada UiTM dan 22 orang daripada UMP. Peratus responden lelaki ialah 49%. Sementara responden perempuan pula ialah 51 orang; 23 orang daripada UiTM dan 28 orang daripada UMP, yang mewakili 51% daripada keseluruhan responden. Daripada 100 responden daripada UiTM dan UMP, 23 orang berumur antara 17-20 tahun. 74 orang berumur antara 21-24 tahun dan 3 orang yang berumur antara 25-30 tahun.

Taburan responden UiTM ialah 5 orang (10%) daripada FKSM, 25 orang (50%) daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan, 8 orang (16%) daripada Fakulti Sains Gunaan (Teknologi Perakayuan) dan 12 orang (24%) daripada Fakulti Perladangan & Agroteknologi. Manakala bagi UMP, responden daripada Fakulti Teknologi seramai 21 orang (42%), Fakulti Kejuruteraan Kimia; 8 orang (15%) dan Fakulti Kejuruteraan Awam; 21 orang (42%). Latar belakang agama pula menunjukkan majoriti responden ialah Islam dengan 47 orang (94%) dan bukan Islam; 3 orang (6%) daripada UiTM. Di UMP pula, 100% responden beragama Islam.

**Jadual 1.2:** Pengalaman mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki IPTA

	UiTM		UMP	
	Frekuensi	Peratus (%)	Frekuensi	Peratus (%)
<b>Pengalaman mempelajari bahasa Arab</b>				
Tadika	5	10	9	18
Sekolah Kebangsaan	6	12	14	28
Sekolah Agama (KAFA)	25	50	25	50
Sekolah Menengah (Tingkatan 1-3)	22	44	28	56
Sekolah Menengah (Tingkatan 4-5)	10	20	15	30
Kursus-kursus tertentu	1	2	3	6
Internet	2	4	9	18
Sendiri	2	4	8	16

Berdasarkan maklumat responden berkaitan pengalaman mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki IPTA menunjukkan peratusan tertinggi iaitu, 56% (28 orang) pelajar UMP pernah belajar bahasa Arab di Sekolah Menengah (Tingkatan 1-3), sementara pelajar UiTM pula ialah 44% yang mewakili 22 orang. Separuh daripada responden, iaitu 50% daripada kedua-dua IPTA ini pernah belajar bahasa Arab di KAFA. Pengalaman belajar di Sekolah Menengah (Tingkatan 4-5) pula menunjukkan responden daripada UMP lebih ramai iaitu 15 orang (30%) berbanding responden daripada UiTM yang terdiri daripada 10 orang bersamaan 20%. Sementara pengalaman belajar bahasa Arab di peringkat Tadika pula memaparkan seramai 9 orang (18%) daripada UMP. Kedudukan ini lebih tinggi sedikit daripada responden UiTM, yang terdiri daripada 5 orang (10%). Selain daripada itu pengalaman mengikuti kursus-kursus bahasa Arab menunjukkan 6% iaitu 3 orang daripada UMP dan 2% iaitu 1 orang daripada UiTM. Melalui pengalaman belajar bahasa Arab menerusi internet pula menjelaskan, 18% yang mewakili 9 orang daripada UMP dan 4% iaitu 2 orang daripada UiTM. Belajar bahasa Arab secara sendiri pula menunjukkan 8 orang (16%) daripada UMP menempuh pengalaman ini dan 2 orang (4%) daripada UiTM.

Dapatan keputusan soalan ini ialah bilangan dan peratusan responden daripada UMP mempunyai lebih banyak menempuh pengajian secara formal dan tidak formal serta pengalaman belajar bahasa Arab berbanding responden daripada UiTM sebelum memasuki pengajian di menara gading.

### **Analisis Perbandingan kekerapan aktiviti dalam pembelajaran kemahiran menulis di UiTM dan UMP**

Dalam kajian ini juga pengkaji ingin mengetahui sejauh mana aktiviti-aktiviti yang menjuruskan kepada kemahiran menulis secara khususnya dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UiTM dan UMP menerusi analisis kekerapan.

Berdasarkan objektif di atas, 25 jenis aktiviti kemahiran menulis disenaraikan menerusi jadual-jadual yang berbeza dan melalui aktiviti-aktiviti ini juga pengkaji ingin mengetahui kekerapan setiap aktiviti ini dilakukan sepanjang satu semester pengajian berlangsung. Kajian mengikut skala di bawah:

1	Tidak Pernah dilakukan	0
2	Jarang dilakukan	1-2 kali dalam sebulan
3	Biasa dilakukan	3-4 kali dalam sebulan

**Jadual 2.1:** Aktiviti Menyalin (Peratusan)

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
1	Menulis/menyalin huruf.	6.0	36.0	58.0	0.0	64.0	36.0
2	Menulis/menyalin perkataan	0.0	32.0	68.0	0.0	66.0	34.0
3	Menyambung huruf bagi membentuk perkataan	6.0	44.0	50.0	8.0	66.0	26.0

Jadual 2.1 menunjukkan aktiviti (1) menulis/menyalin huruf; 6% atau 3 responden dari UiTM dan 0% responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. Sebanyak 36% atau 18 responden dari UiTM dan 64% atau 32 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 58% atau 29 responden dari UiTM dan 36% atau 18 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (2) menulis/menyalin perkataan menunjukkan 0% responden dari UiTM dan UMP menyatakan tidak pernah melakukannya. 32% atau 16 responden dari UiTM dan seramai 66% atau 33 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 68% atau 34 responden dari UiTM dan 34% atau 17 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (3) menyambung huruf bagi membentuk perkataan menunjukkan 6% atau 3 responden dari UiTM dan 8% atau 4 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 44% atau 22 responden dari UiTM dan 66% atau 33 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 50% atau 25 responden dari UiTM dan 26% atau 13 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.2:** Aktiviti Penyesuai Perkataan/Ayat dengan Gambar (Peratusan)

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
4	Menyesuaikan gambar dengan perkataan	0.0	60.0	40.0	10.0	68.0	22.0
5	Menamakan gambar	6.0	54.0	40.0	14.0	60.0	26.0
6	Menamakan objek dalam gambar	6.0	56.0	38.0	10.0	64.0	26.0
7	Menyesuai gambar dengan ayat.	12.0	70.0	28.0	8.0	80.0	12.0

Jadual 2.2 menjelaskan aktiviti (4) menyesuaikan gambar dengan perkataan; 0% responden dari UiTM dan 10% atau 5 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 60% atau 30 responden dari UiTM dan 68% atau 34 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 40% atau 20 responden dari UiTM dan 22% atau 11 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (5) menamakan gambar menunjukkan 6% atau 3 responden dari UiTM dan 14% atau 7 responden dari UMP menyatakan tidak pernah melakukannya. 54% atau 27 responden dari UiTM dan seramai 60% atau 30 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 40% atau 20 responden dari UiTM dan 26% atau 13 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (6) menamakan objek dalam gambar menunjukkan 6% atau 3 responden dari UiTM dan 10% atau 5 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 56% atau 28 responden dari UiTM dan 64% atau 32 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 38% atau 19 responden dari UiTM dan 26% atau 13 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (7) menyesuaikan gambar dengan ayat menunjukkan 12% atau 6 responden dari UiTM dan 8% atau 4 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 70% atau 35 responden dari UiTM dan 80% atau 40 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 28% atau 14 responden dari UiTM dan 12% atau 6 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.3:** Aktiviti Seni Penulisan/Khat (Peratusan)

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
8	Menulis khat Arab yang terdiri daripada khat naskh, ruq'ah dll.	26.0	48.0	26.0	24.0	68.0	8.0

Jadual 2.3 menjelaskan aktiviti seni khat/penulisan; 26% atau 13 responden dari UiTM dan 24% atau 12 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 48% atau 24 responden dari UiTM dan 68% atau 34 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 26% atau 13 responden dari UiTM dan 8% atau 4 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.4:** Aktiviti Mengisi Tempat Kosong

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
9	Mengisi tempat kosong dengan memilih perkataan	0.0	46.0	54.0	6.0	76.0	18.0
10	Mengisi tempat kosong dalam perenggan	4.0	46.0	50.0	12.0	72.0	16.0
11	Mengisi tempat kosong dengan memilih ayat sesuai	2.0	52.0	46.0	2.0	52.0	46.0
12	Mengisi borang	32.0	58.0	10.0	24.0	48.0	22.0

Jadual 2.4 ialah aktiviti-aktiviti mengisi tempat kosong. Aktiviti (9) ialah mengisi tempat kosong dengan memilih perkataan memaparkan; 0% responden dari UiTM dan 6% atau 3 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 46% atau 23 responden dari UiTM dan 76% atau 38 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 54% atau 27 responden dari UiTM

dan 18% atau 9 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (10) Mengisi tempat kosong dalam perenggan memaparkan 4% atau 2 responden dari UiTM dan 12% atau 6 responden dari UMP menyatakan tidak pernah melakukannya. 46% atau 23 responden dari UiTM dan seramai 72% atau 36 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 50% atau 25 responden dari UiTM dan 16% atau 8 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (11) Mengisi tempat kosong dengan memilih ayat sesuai memaparkan 2% atau seorang responden dari UiTM dan UMP masing-masing menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 52% atau 26 responden dari UiTM dan UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 46% atau 23 responden dari UiTM dan juga UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Kelihatan aktiviti ini terdapat persamaan dalam kekerapan perlaksanaannya di UiTM dan UMP. Aktiviti (12) ialah mengisi borang memaparkan; 32% atau 16 responden dari UiTM dan 24% atau 12 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 58% atau 29 responden dari UiTM dan 48% atau 24 responden dari UMP memaparkan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 10% atau 5 responden dari UiTM dan 22% atau 11 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.5:** Aktiviti Pembinaan Ayat

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
13	Menyusun beberapa perkataan untuk membentuk ayat.	2.0	72.0	26.0	6.0	72.0	22.0
14	Membentuk ayat ringkas.	4.0	50.0	46.0	2.0	64.0	34.0
15	Membentuk ayat panjang.	18.0	62.0	20.0	16.0	64.0	20.0
16	Menyusun ayat untuk membentuk sebuah cerita pendek.	28.0	58.0	14.0	28.0	60.0	12.0

Jadual 2.5 ialah aktiviti-aktiviti pembinaan ayat. Aktiviti (13) ialah menyusun beberapa perkataan untuk membentuk ayat.; 2% atau seorang responden dari UiTM dan 6% atau 3 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. Sebanyak 72% atau 36 responden dari UiTM dan juga dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 26% atau 13 responden dari UiTM dan 22% atau 11 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (14) membentuk ayat ringkas menjelaskan 4% atau 2 responden dari UiTM dan 2% atau seorang responden dari UMP menyatakan tidak pernah melakukannya. 50% atau 25 responden dari UiTM dan seramai 64% atau 32 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 46% atau 23 responden dari UiTM dan 34% atau 17 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (15) membentuk ayat panjang memaparkan; 18% atau 9 responden dari UiTM dan 16% atau 8 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 62% atau 31 responden dari UiTM dan seramai 64% atau 32 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 20% atau 10 responden dari UiTM dan UMP masing-masing menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.. Aktiviti (16) ialah menyusun ayat untuk membentuk sebuah cerita pendek memaparkan; 28% atau 14 responden dari UiTM dan UMP masing-masing menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 58% atau 29 responden dari UiTM dan 60% atau 30 responden dari UMP memaparkan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 14% atau 7 responden dari UiTM dan 12% atau 6 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.6:** Aktiviti Soal & Jawab

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
17	Menjawab soalan	6.0	54.0	40.0	8.0	64.0	28.0
18	Membina soalan	2.0	52.0	56.0	22.0	54.0	24.0

Jadual 2.6 menjelaskan aktiviti (17) menjawab soalan; 6% atau tiga responden dari UiTM dan 8% atau 4 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 54% atau 27 responden dari UiTM dan 64% atau 32 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 40% atau 20 responden dari UiTM dan 28% atau 14 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

Aktiviti (18) membina soalan menunjukkan 2% atau seorang responden dari UiTM dan 22% atau 11 responden dari UMP menyatakan tidak pernah melakukannya. 52% atau 26 responden dari UiTM dan seramai 54% atau 27 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 56% atau 28 responden dari UiTM dan 24% atau 14 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.7:** Aktiviti Menulis Nombor, Tarikh dan Masa

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
19	Menulis nombor dan bilangan.	8.0	66.0	26.0	8.0	66.0	26.0
20	Menulis nombor dalam bentuk perkataan.	12.0	44.0	44.0	4.0	74.0	22.0
21	Menulis masa, jam dan minit	8.0	68.0	24.0	6.0	72.0	22.0
22	Menulis tarikh Hijri dan Masihi	14.0	66.0	20.0	6.0	68.0	26.0

Jadual 2.7 memaparkan aktiviti (19) ialah menulis nombor dan bilangan.; 8% atau 4 responden dari UiTM dan 1 UMP masing-masing menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. Begitu juga 66% atau 33 responden dari UiTM dan UMP masing-masing menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara kedua-dua institusi ini memaparkan 26% atau 13 responden menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Kelihatan sekali lagi aktiviti ini terdapat persamaan dalam kekerapannya di UiTM dan UMP. Aktiviti (20) menulis nombor dalam bentuk perkataan menjelaskan 12% atau 6 responden dari UiTM dan 4% atau 2 responden dari UMP menyatakan tidak pernah melakukannya. 44% atau 22 responden dari UiTM dan seramai 74% atau 37 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 44% atau 22 responden dari UiTM dan 22% atau 11 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (21) menulis masa, jam dan minit memaparkan; 8% atau 4 responden dari UiTM dan 6% atau 3 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 68% atau 34 responden dari UiTM dan seramai 72% atau 36 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 24% atau 12 responden dari UiTM dan 22% atau 11 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (22) ialah menulis tarikh Hijri dan Masihi; 14% atau 7 responden dari UiTM dan 6% atau 3 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 66% atau 33 responden dari UiTM dan 68% atau 34 responden dari UMP memaparkan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 20% atau 10 responden dari UiTM dan 26% atau 13 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.8:** Kuiz

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
23	Kuiz	6.0	80.0	14.0	14.0	74.0	12.0

Jadual 2.8 menjelaskan kekerapan aktiviti kuiz; 6% atau 3 responden dari UiTM dan 14% atau 7 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 80% atau 40 responden dari UiTM dan 74% atau 37 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 14% atau 7 responden dari UiTM dan 12% atau 6 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

**Jadual 2.9 :** Aktiviti Penulisan Bebas

No	Aktiviti	UiTM			UMP		
		1	2	3	1	2	3
24	Penulisan rencana.	38.0	52.0	10.0	32.0	56.0	12.0
25	Penulisan esai	38.0	54.0	8.0	38.0	50.0	12.0

Jadual 2.9 menjelaskan aktiviti (24) penulisan rencana; 38% atau 19 responden dari UiTM dan 32% atau 16 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini tidak pernah dilakukan. 52% atau 26 responden dari UiTM dan 56% atau 28 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara 10% atau 5 responden dari UiTM dan 12% atau 6 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan. Aktiviti (25) penulisan esai menunjukkan 38% atau 19 dari UiTM dan juga UMP masing-masing menyatakan tidak

pernah melakukannya. 54% atau 27 responden dari UiTM dan seramai 50% atau 25 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini jarang dilakukan. Sementara itu 8% atau 4 responden dari UiTM dan 12% atau 6 responden dari UMP menyatakan aktiviti ini biasa dilakukan.

## Dapatan Kajian

Berasaskan kajian perbandingan kekerapan aktiviti-aktiviti kemahiran menulis yang dijalankan di UiTM dan UMP seperti mana yang dijelaskan dalam 9 jadual di atas maka Jadual 3 di bawah memaparkan skor tertinggi, iaitu pada tahap ; biasa dilakukan (3-4 kali dalam sebulan). Jadual ini juga memaparkan persamaan dan perbezaan dalam perlaksanaanya.

**Jadual 3:** Perbandingan Pencapaian Tahap 3

No.	Aktiviti	UiTM	UMP	Skor
1	Menulis/menyalin huruf.	58.0	36.0	UiTM
2	Menulis/menyalin perkataan	68.0	34.0	UiTM
3	Menyambung huruf bagi membentuk perkataan	50.0	26.0	UiTM
4	Menyesuaikan gambar dengan perkataan	40.0	22.0	UiTM
5	Menamakan gambar	40.0	26.0	UiTM
6	Menamakan objek dalam gambar	38.0	26.0	UiTM
7	Menyesuai gambar dengan ayat	28.0	12.0	UiTM
8	Menulis khat Arab yang terdiri daripada khat naskh, ruq'ah dll.	26.0	8.0	UiTM
9	Mengisi tempat kosong dengan memilih perkataan	54.0	18.0	UiTM
10	Mengisi tempat kosong dalam perenggan	50.0	16.0	UiTM
11	Mengisi tempat kosong dengan memilih ayat sesuai	46.0	46.0	UiTM /UMP
12	Mengisi borang	10.0	22.0	UMP
13	Menyusun beberapa perkataan untuk membentuk ayat.	26.0	22.0	UiTM
14	Membentuk ayat ringkas.	46.0	34.0	UiTM
15	Membentuk ayat panjang.	20.0	20.0	UiTM /UMP
16	Menyusun ayat untuk membentuk sebuah cerita pendek.	14.0	12.0	UiTM
17	Menjawab soalan	40.0	28.0	UiTM
18	Membina soalan	56.0	24.0	UiTM
19	Menulis nombor dan bilangan.	26.0	26.0	UiTM /UMP
20	Menulis nombor dalam bentuk perkataan.	44.0	22.0	UiTM
21	Menulis masa, jam dan minit	24.0	22.0	UiTM
22	Menulis tarikh Hijri dan Masihi	20.0	26.0	UMP
23	Kuiz	14.0	12.0	UiTM
24	Penulisan rencana.	10.0	12.0	UMP
25	Penulisan esai	8.0	12.0	UMP
	Jumlah	18/25	4/25	

Hasil dapatan yang dipaparkan di Jadual 3 menunjukkan UiTM mendahului UMP dalam konteks kekerapan tertinggi dalam pelaksanaan aktiviti kemahiran menulis dengan skor; 19/25. Sementara itu UMP pula memperolehi 4/25. Jadual 3 juga memapar terdapat 3 persamaan dalam kekerapan pelaksanaan di UiTM dan UMP pada aktiviti-aktiviti berikut:

- Mengisi tempat kosong dengan memilih ayat sesuai, dengan keputusan 46.0%.
- Membentuk ayat panjang, dengan keputusan: 20.0%.
- Menulis nombor dan bilangan, dengan keputusan 26.0%.



## Rumusan

Pengkaji merumuskan beberapa perkara, hasil daripada analisis dapatan kajian. Rumusan ini bertujuan memenuhi objektif yang telah dikemukakan sebelum ini. Berikut adalah rumusan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji:

- i. Berdasarkan kepada dapatan kajian dan juga perbincangan yang telah dinyatakan sebelum ini memperlihatkan aktiviti (1) menulis/menyalin huruf. Ia merupakan asas, pertama dan utama dalam kemahiran menulis tidak diadakan di UMP. Selain daripada itu aktiviti (2) menulis/menyalin perkataan juga tidak dilaksanakan di UiTM dan UMP. Pengkaji beranggapan bahawa ketiadaan kedua-dua aktiviti ini dalam P&P mungkin kerana para pengubal silibus dan para penulis buku teks berpendirian bahawa aktiviti ini terlalu asas, mudah dan dengan andaian para pelajar telah menguasainya sebelum memasuki IPTA lagi.
- ii. Kekerapan aktiviti kemahiran menulis di UiTM lebih tinggi daripada UMP. Aspek persamaan terhadap kekerapan aktiviti ini hanya pada tiga aktiviti sahaja. (Jadual 3). Sementara perbezaan terdapat pada 22 aktiviti lain.

## Cadangan

Seterusnya pengkaji berharap semua pihak perlu mengambil perhatian yang sewajarnya ke atas penguasaan bahasa Arab, khususnya dalam kemahiran menulis. Penglibatan pelbagai pihak dalam memainkan peranan ini merupakan satu usaha yang sangat baik dalam menjamin peningkatan penguasaan kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Berikut adalah pihak-pihak yang perlu mengambil perhatian dalam memastikan pemantapan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar di IPTA:

### i. Pihak Penggubal Kurikulum

Bahagian Pembinaan Kurikulum (BPK) di Jabatan/Unit bahasa Arab merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam menyediakan dan menggubal sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran. Oleh itu, pengkaji mencadangkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian:

- (a) Memastikan pemeringkatan kemahiran dan aktiviti setiap kemahiran difokuskan pada setiap tahap pembelajaran dalam penyusunan kurikulum dan penyediaan modul atau buku teks.
- (b) Menyediakan pensyarah yang mempunyai pengkhususan bahasa Arab untuk pengajaran bahasa Arab.
- (c) Mengadakan sesi bengkel dan taklimat khusus berkaitan perkembangan silibus/kurikulum khususnya kepada pensyarah-pensyarah baru.
- (d) Melibatkan pensyarah-pensyarah dari cawangan-cawangan UiTM dan IPTA lain dalam penggubalan dan pembentukan silibus baru.
- (e) Mengambil kira penglibatan pensyarah-pensyarah yang mengajar di peringkat diploma dalam merangka kurikulum peringkat ijazah.
- (f) Melibatkan pensyarah dari cawangan-cawangan UiTM dalam menulis buku teks dan buku latihan.

### ii. Pensyarah

- (a) Penggunaan (BBM) dan permainan bahasa yang lebih sesuai dan terkini. Dalam era kemajuan sains dan teknologi, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga perlu mengambil inisiatif memasukkan unsur-unsur penggunaan teknologi pendidikan terkini. Situasi ini bertujuan agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih efektif.
- (b) Pensyarah perlu mewujudkan interaksi dua hala yang positif, menunjukkan sifat penyayang dan mengambil berat terhadap semua pelajar pelbagai tahap pencapaian. Peranan pensyarah penting dalam meningkatkan motivasi pembelajaran dan kepercayaan diri mereka terhadap penulisan bahasa Arab.

### iii. Universiti

Dengan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga dan merupakan subjek elektif di universiti maka pelbagai usaha dan pemantauan perlu diadakan untuk menjamin kerelevanan penawaran subjek ini dengan kehendakan pasaran sekarang. Bajet perlu diperuntukan bagi penyediaan makmal multimedia yang canggih, BBM terkini dan penganjuran pelbagai aktiviti untuk menarik dan memupuk minat para pelajar seperti lawatan di luar negara atau dalam negara, perkhemahan bahasa, pertandingan esei bahasa Arab dan lain-lain.

### Cadangan Penyelidikan Akan Datang

Beberapa cadangan dikemukakan kepada pengkaji akan datang, agar kajian yang berkaitan dengan kemahiran berbahasa khususnya kemahiran menulis akan dapat menghasilkan natijah yang terbaik. Cadangan-cadangan tersebut ialah:

- (a) Kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Bagi kajian akan datang disarankan agar melakukan kaedah eksperimental, seperti mewujudkan suasana persekitaran kearaban yang sebenar dan perkaitannya dengan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab.
- (b) Pemilihan responden 100 orang dari UiTM dan UMP sebagai subjek kajian menghasilkan satu dapatan yang terhad. Justeru itu, untuk pengkaji akan datang disarankan agar bilangan sampel lebih besar dan populasi agak menyeluruh.
- (c) Kajian tinjauan bagi melihat sejauh mana kefahaman pensyarah bahasa Arab terhadap kemahiran berbahasa khususnya kemahiran menulis.

### Penutup

Akhirnya, pengkaji berharap walaupun kajian ini merupakan kajian kes iaitu hanya di UiTM dan UMP, namun ianya dapat menjelaskan kepada kita keadaan sebenar penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar di IPTA. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat juga membantu semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung atau sebaliknya.

### Bibliografi

- Abdul Hadi Mohd Salleh. (1998). Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di ITM: Masalah dan Penyelesaiannya. *Tesis Sarjana Universiti Malaya*, Kuala Lumpur.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). Penguasaan Kemahiran Menulis. Selangor. Kumpulan Budiman SDN. BHD.
- Mohammad b. Seman. 2003. Permasalahan Utama Dalam Proses Pembelajaran Penulisan Bahasa Arab Di Sekolah-sekolah Bawah Seliaan JPN Sarawak. *Seminar Penyelidikan Jangka Pendek*. Universiti Malaya.
- Rosni bin Samah. (2009). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati. Negeri Sembilan. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rosni bin Samah. (2009). Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Negeri Sembilan. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

---

FAUZI AZMI, SAIFUL JOHARI MUSAHAR & MOHD ZAKI ABDUL LATIFF. Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (Pahang).  
 fawwaz@pahang.uitm.edu.my, abuwajdee@pahang.uitm.edu.my, mohdzaki@pahang.uitm.edu.my